

Hentikan Rogol: Aku Kisah!

Dianjurkan oleh Citizens Against Rape

Diselaraskan oleh Joint Action Group for Gender Equality(JAG)

Beberapa bulan yang lepas, negara kita telah dikejutkan dengan dua kes rogol yang amat menggemparkan. Pertamanya adalah di Kelantan di mana dua remaja perempuan telah dirogol beramai-ramai dengan kejam oleh sekumpulan lelaki termasuk seorang bapa bersama dua orang anak lelakinya. Ini diikuti oleh satu lagi kejadian dilaporkan di Johor, di mana seorang kanak-kanak perempuan berumur 13 tahun dikatakan dirogol beramai-ramai oleh 6 orang anggota tentera. Terdapat beberapa kes rogol lain yang dilaporkan di media saban hari dan ada diantaranya melibatkan tahap keganasan yang tidak masuk akal.

Malahan, statistik dari pihak polis mendedahkan bahawa terdapat peningkatan hampir 3 kali ganda kes rogol yang dilaporkan dari tahun 2000 hingga 2009. Pada tahun 2012, hampir 3,000 kes rogol telah dilaporkan. Ini bermakna 8 kes rogol dilaporkan setiap hari. Kemungkinan besar lebih banyak lagi jenayah seksual yang tidak dilaporkan, menjadikan kadar sebenar kejadian mungkin lebih membimbangkan dari yang disangka seperti yang dapat dilihat sekarang.

Hentikan Rogol: Aku Kisah!

Situasi yang membimbangkan ini telah mendorong kami untuk menganjurkan *Hentikan Rogol: Aku Kisah!*, satu tindakan untuk menentang rogol dan keganasan seksual yang lain. Inisiatif ini bertujuan untuk:

- Meningkatkan kesedaran masyarakat bahawa rogol dan keganasan seksual adalah satu perkara yang langsung tidak boleh diterima.
- Menuntut tanggungjawab setiap negeri untuk menangani jenayah rogol dengan efektif.

Setakat ini, kami telah menganjurkan forum awam di Kelantan dan pelbagai aktiviti di Sabah dan pada waktu ini kami sedang menganjurkan beberapa program yang lain di seluruh negara. Selain daripada perhimpunan ini yang diadakan di Kuala Lumpur, program yang sama juga telah dilakukan di Marudi (Sarawak), Kota Kinabalu(Sabah), dan Ipoh(Perak), dan semuanya merupakan penentangan terhadap jenayah rogol dan pelbagai keganasan seksual (lihat Appendix A untuk butir-butir)

Apa yang kami mahu?

Walaupun Malaysia mempunyai undang-undang yang tersedia untuk menghukum perogol, ianya merupakan satu kegagalan di peringkat negara, negeri dan masyarakat/komuniti untuk menyedari betapa seriusnya keganasan seksual yang kini telah menjadi satu kelaziman di negara ini. Kami menyeru semua rakyat Malaysia- dari pihak pentadbiran Perdana Menteri hinggalah rakyat jelata -untuk menyedari bahawa jenayah rogol adalah satu wabak di negara kita. Setiap orang haruslah mengambil langkah untuk mengatasi punca rogol hingga ke akar umbi. Walaubagaimanapun, kami juga menyeru kerajaan dan agensi-agensi yang berkaitan untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk mengatasi masalah ini:

- 1) **Pencegahan:** Memperkenalkan pendidikan pencegahan dan program kesedaran umum untuk mengatasi pemikiran yang stereotaip terhadap peranan dan tanggungjawab terhadap sesuatu gender yang telah mendorong keganasan seksual berlaku di negara ini. Kementerian Pelajaran, Kesihatan, serta Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menggalas tugas yang penting untuk menjadikan perkara ini satu realiti. Perlaksanaan yang awal dan efektif terhadap program ini merupakan satu langkah yang kritis untuk menyingkirkan prejudis yang berlaku sejak sekian lama. Prejudis ini mengakibatkan penafian hak seorang gadis dan wanita serta membahayakan keselamatan mereka di dalam masyarakat. Statistik kejadian-kejadian keganasan perlu dikumpul secara sistematik dn dijadikan maklumat umum demi menjelaskan betapa seriusnya keganasan seksual agar tindakbalas yang berkesan dapat dilaksanakan.
- 2) **Perlindungan:** Kami menggesa kerajaan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memastikan perlindungan yang sewajarnya diberikan kepada wanita dan

kanak-kanak perempuan di Malaysia yang menjadi mangsa keganasan seksual. Kerajaan juga seharusnya menyediakan pusat-pusat khidmat yang secukupnya di setiap negeri di Malaysia terhadap mangsa keganasan seksual, tanpa mengira agama, bangsa atau kerakyatan seseorang mangsa itu.

Mangsa rogol memerlukan persekitaran yang selamat, bebas daripada trauma yang berpanjangan dan perlu dibantu dalam menegakkan keadilan. Dalam masa yang sama, masyarakat di Malaysia juga haruslah komited dalam meningkatkan kesedaran dan sedia mengambil tindakan terhadap insiden keganasan seksual yang sedang berlaku dalam kalangan masyarakat. Kita harus sedar bahawa ianya merupakan tanggungjawab setiap individu dan komuniti untuk mewujudkan masyarakat yang selamat dan tidak stereotaip terhadap jantina atau dalam erti kata lainnya keperihatinan terhadap gender .

- 3) Pendakwaan dan Hukuman:** Penguatkuasaan yang efektif untuk memastikan pesalah laku keganasan seksual dapat dipertanggungjawabkan. Protokol menangani keganasan seksual yang sedia ada perlu dipatuhi dengan lebih tegas. Penguatkuasa undang-undang, pegawai kehakiman, pegawai perundangan haruslah dilatih dengan lebih baik untuk memastikan penyiasatan dan pendakwaan dilakukan dengan berkemahiran, cepat dan pantas, menyeluruh, dan dapat dilaksanakan ke tahap tertinggi, tanpa mengambil kira tempat kejadian, bangsa, atau agama mangsa jenayah seksual. Buat masa ini, kurang daripada 10 peratus kes rogol yang dilaporkan di bawa ke muka pengadilan. Daripada jumlah ini, dianggarkan kurang dari satu pertiga berjaya disabitkan. Keadaan sebegini mengesahkan kekurangan kerajaan Malaysia dalam menangani keganasan terhadap wanita secara berkesan.
- 4) Peruntukan untuk ganti rugi atau pampasan:** Memastikan terdapat satu khidmat sokongan yang berkesan dengan mudah terhadap mangsa keganasan seksual di segenap pelusuk negara. Usaha-usaha ini termasuklah menyediakan tempat perlindungan, sesi kaunseling dan khidmat pemulihan. Sistem penjara juga haruslah diubah dengan memberi tumpuan terhadap tempoh rehabilitasi yang lebih panjang di dalam penjara bagi pesalah laku keganasan seksual.

Sejajar dengan isu di atas, kami juga ingin memberi peringatan kepada Kerajaan Malaysia supaya mengambil langkah dan melaksanakan tanggungjawab seperti yang terdapat di bawah Perakuan Umum No 19 oleh Konvensyen berkaitan Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi terhadap Wanita atau CEDAW.

Mengapa Citizens Against Rape?

Citizens Against Rape mula ditubuhkan pada tahun 1987 rentetan daripada peristiwa rogol dan bunuh dengan kejam seorang kanak-kanak berumur 9 tahun, Ang Mei Hong di Kuala Lumpur. Sekali lagi ianya menjadi satu landasan bagi orang awam untuk memprotes terhadap jenayah rogol dan bunuh yang kejam seperti: Audrey Melissa George (1999), Noor Suzaily Mukhtar (2000), Canny Ong (2003).

Pada hari ini, kami menggelar diri kami Citizens Against Rape untuk memberikan satu jalan dan harapan untuk semua - tidak mengira jantina, umur, etnik, agama, bangsa, dll - menitikberatkan jenayah rogol dan apa jenis keganasan seksual, untuk menunjukkan bahawa kami mengambil berat terhadap kekerapan dan keganasan jenayah ini, dan membantu untuk menamatkan jenayah ini. Kita semua harus memainkan peranan.

Sudah, cukup, sudah. Hentikan rogol: Aku kisah!

Diterbitkan oleh Gabungan Organisasi Wanita Bertindak bagi Kesamarataan Gender (Joint Action Group for Gender Equality(JAG)) yang terdiri daripada :

Pusat Kesedaran Wanita (WCC)

All Women's Action Society (AWAM)

Women's Aid Organisation (WAO)

Persatuan Kesedaran Komuniti Selangor (EMPOWER)

Sisters in Islam (SIS)

Association of Women Lawyers (AWL)

Persatuan Sahabat Wanita Selangor (PSWS)

Perak Women for Women Society (PWW)

Sabah Women Action Resource Group (SAWO)

Appendix A : Butir-butir tindakan di seluruh Negara

Kuala Lumpur

7:45ptg, Sabtu 23 Ogos 2014

SOGO, JalanTuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur

Program: Ucapan, teater jalanan di SOGO. Perarakan ke Dataran Merdeka. Sila bawa bersama lilin/Pemetik api/lampu suluh-milik anda sendiri

Badan untuk dihubungi: All Women's Action Society (AWAM): 03-7877 4221; dan

Women's Aid Organisation (WAO): 03-7957 5636

Facebook: "Candlelight Vigil: #HentikanRogol, Aku Kisah! (Kuala Lumpur)"

Ipoh, Perak

5ptg, Jumaat 22 Ogos 2014

Medan Stesen Keretapi Ipoh

Program: Berkumpul, berjalan singkat, tarian 1 Billion Rising

Badan untuk dihubungi: Perak Women for Women Society (PWW):

perakwomenforwomen@gmail.com / 05-5469715

Kota Kinabalu, Sabah

5ptg, Sabtu, 23hb Ogos 2014

Sutera Harbour Resort, Sutera Harbour Boulevard

Program: Gerai, larian, himpunan nyalaan lilin

Badan untuk dihubungi: Sabah Women's Action Resource Group (SAWO): 088-269291

Facebook: "Candlelight Vigil: #HentikanRogol, Aku Kisah! (Kota Kinabalu)"

Marudi, Sarawak

4ptg, Sabtu, 23hb Ogos 2014

Marudi

Program: Berkumpul, himpunan nyalaan lilin.

Badan untuk dihubungi: Hellan, Borneo Resources Institute Malaysia (014 594 9945)